



FAQ Alumni Hot Seat

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Alumni Hot Seat?

Alumni Hot Seat adalah ruangan tempat duduk khas di Dewan Agung Tuanku Canselor yang diberikan kepada ibu dan bapa graduan yang merupakan alumni Dewan Latehan RIDA/ Maktab MARA/ITM/UiTM. Ia adalah terhad dan diberikan keutamaan kepada ibu dan bapa graduan yang mendaftar di MyAlumni UiTM Virtual Card dan mendapat Kad Jemputan Hot Seat sahaja.

Sekiranya graduan ditemani dua (2) orang tetamu dalam kalangan ahli keluarga (kakak, abang, suami, isteri) graduan, paparan MyAlumni Virtual Card boleh ditunjukkan kepada jawatankuasa dan pemberian tempat duduk adalah tertakluk kepada kekosongan. Keutamaan adalah tetap kepada Ibu dan bapa.

Tetamu bagi setiap graduan tetap kekal dua (2) orang sahaja.

2. Siapakah yang layak mendapatkan Alumni Hot Seat?

Ibu dan bapa graduan UiTM yang merupakan alumni UiTM (pernah belajar dan tamat pengajian di Dewan Latehan RIDA/ Maktab MARA/ITM/UiTM).

3. Ibumama saya belajar di Kolej Persediaan (KP/KPP/PPP) dikira Alumni?

Ya. Pelajar Persediaan yang TAMAT belajar di KP/KPP/PPP dari tahun 1982 sehingga 2000 adalah alumni.

4. Berapa banyak tempat yang dikhususkan untuk Alumni Hot Seat bagi setiap sidang?

Terdapat **500** Alumni Hot Seat tersedia bagi setiap sidang. Perlu diingatkan, seorang graduan layak mendapat dua (2) tempat duduk Alumni Hot Seat sahaja.

5. Bilakah permohonan Alumni Hot Seat boleh dibuat?

Permohonan boleh dibuat setelah pemakluman **Pengesahan Kehadiran (tarikh yang sama dengan pengesahan kehadiran)** Istiadat konvokesyen telah dibuka di laman web konvokesyen (<https://konvokesyen.uitm.edu.my/>)

6. Di mana saya boleh memohon untuk mendapatkan Kad Jemputan Hot Seat?

Permohonan untuk mendapatkan Kad Jemputan Hot Seat perlu dibuat oleh **Graduan** di MyAlumni UiTM Virtual Card mereka. Sila rujuk perkara No. 8.

7. Adakah ibu/bapa yang memohon Alumni Hot Seat?

Tidak. Alumni Hot Seat perlu dimohon oleh **Graduan** yang akan menghadiri istiadat konvokesyen. Ibu/bapa Alumni UiTM hanya perlu memastikan mereka telah mendaftar di MyAlumni UiTM Virtual Card.



FAQ Alumni Hot Seat

8. Bagaimana langkah-langkah untuk mendapatkan Alumni Hot Seat di Istiadat Konvoquesyen UiTM?

Sila ikuti langkah-langkah berikut:-


PENTING: Sebelum permohonan dibuat, Ibu/bapa alumni **WAJIB** mendaftar di MyAlumni UiTM Virtual Card.

- a) Mohon graduan/anak mendaftar di MyAlumni UiTM Virtual Card
- b) Klik pada menu **VISIT NOW**
- c) Klik pada **Pengesahan Kehadiran**
- d) Masukkan maklumat terkini, no telefon dan emel
- e) Pilih **Ya** pada pilihan 'Ibubapa Alumni UiTM?'
- f) Masukkan nombor kad pengenalan ibu/bapa
- g) Klik **semak**, maklumat ibu/bapa akan dipaparkan
- h) *tick* pada 'saya telah membaca soalan lazim'
- i) Klik **Hantar**
- j) Selepas selesai proses pengesahan kehadiran, klik pada '**Mohon Hot Seat**' (butang berwarna merah)




FAQ Alumni Hot Seat

- k) Klik pada 'Sahkan Permohonan'



- l) Butang 'Hot Seat: Diluluskan' akan terpapar





FAQ Alumni Hot Seat

- m) Klik pada butang '**Kad Jemputan Hot Seat**' untuk memuat turun kad jemputan rasmi (sila tunggu sehingga sistem selesai menjana kad jemputan, ia akan dijana dalam tempoh 24 jam. Sentiasa semak dari masa ke semasa.)

Sila cetak atau muat turun Kad Jemputan Hot Seat di Handphone dan kongsikan kepada Ibu/bapa anda. Mohon graduan membantu ibu/ bapa mendaftar MyAlumni UiTM Virtual Card mereka kerana Kad Jemputan Hot Seat perlu ditunjukkan kepada pegawai yang bertugas di pintu masuk dewan nanti.

9. Saya telah memasukkan nombor kad pengenalan ibu/bapa, tetapi tiada data (Sorry,data not found)

Sila klik pada pautan whatsapp yang tertera (<https://wa.me/+60355442780>) atau hubungi nombor talian 03-5544 2780 untuk semakan lanjut.

10. Dimanakah lokasi Alumni Hot Seat di dalam Dewan Agung Tuanku Canselor?

Lokasi Alumni Hot Seat adalah bersebelahan Royal Box, di Aras 1, Dewan Agung Tuanku Canselor.

11. Bagaimana untuk ke lokasi Alumni HotSeat semasa Istiadat Konvokesyen?

Pada hari Istiadat Konvokesyen, para jemputan, iaitu ibu/bapa alumni perlu masuk melalui **Pintu 16, Laluan A, Aras 1, Dewan Agung Tuanku Canselor ATAU Pintu Utama, Dewan Agung Tuanku Canselor** dan tunjukkan **Kad Jemputan Hot Seat** kepada pegawai yang bertugas. Petugas akan membawa ibu/bapa alumni ke tempat duduk di ruang yang dikhaskan untuk alumni (kerusi bertanda "**ALUMNI HOT SEAT - IBU BAPA-**")

12. Adakah graduan boleh menggunakan kad jemputan asal dan tiket Alumni Hot Seat secara serentak?

Tidak, dengan Kad Alumni HotSeat, maka bilangan jemputan di dalam kad jemputan asal telah termasuk di dalam kuota Alumni Hot Seat (**bilangan jemputan setiap graduan, kekal dua (2) orang sahaja**).

13. Bolehkah Alumni Hot Seat ini diwakilkan?

Ia tidak boleh diwakilkan. Alumni dikalangan ibu/bapa graduan mestilah hadir secara fizikal pada sidang yang dijadualkan.

14. Ibu saya alumni tetapi bapa bukan alumni, boleh ke bapa duduk bersama di Alumni Hot Seat?(atau sebaliknya)

Boleh. Alumni boleh duduk bersama pasangan (suami/isteri/anak/kawan/saudara) di Alumni Hot Seat.

15. Apakah kelebihan Alumni Hot Seat?

Alumni duduk ditempat khas di sebelah Royal Box, penghargaan dari *emcee*, *camera shoot* sebelum sidang konvo bermula dan menerima cenderahati khas (jika stok masih ada).



FAQ Alumni Hot Seat

16. Di manakah laluan keluar ibu/bapa Alumni setelah selesai konvokesyen?

Para ibu/bapa boleh keluar melalui **pintu bernombor 16** yang berada di sebelah kiri tempat duduk Alumni Hot Seat.

PERINGATAN: Alumni adalah **dilarang** menggunakan laluan VIP setelah selesai konvokesyen, kecuali diiringi oleh Pegawai Bertugas. Alumni juga dilarang melintasi laluan di hadapan Royal Box.

17. Adakah ibu/bapa Alumni yang telah meninggal dunia, boleh mendaftar MyAlumni seterusnya mendapatkan Alumni Hot Seat?

Tidak Boleh. Alumni yang telah meninggal dunia tidak boleh mendaftar MyAlumni.

18. Bilakah waktu untuk ibu/bapa masuk ke Dewan?

Ibu/bapa boleh mula masuk ke dewan bermula **7.30 pagi** bagi sesi pagi dan **12.30 tengah hari** bagi sesi petang. **Sila datang awal**, bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

19. Ibu/bapa saya berkerusi roda atau mempunyai masalah kesihatan, bolehkah mereka duduk di Alumni Hot Seat?

Ibu/bapa berkerusi roda **tidak boleh** duduk di Alumni Hot Seat kerana ia berada di Aras 1, dan laluan untuk duduk adalah bertangga. Begitu juga jika ibu/bapa mempunyai masalah kesihatan yang memerlukan naik/turun tangga **tidak digalakkan** duduk di Alumni Hot Seat. Sila maklumkan kepada Pegawai Bertugas untuk dibawa ke tempat duduk khas bagi ibu/bapa yang mempunyai masalah kesihatan.

20. Saya graduan menumpang, bolehkah saya memohon Alumni Hot Seat?

Harap maaf, graduan menumpang tidak dibenarkan memohon Alumni Hot Seat, kerana Alumni Hot Seat dikhususkan untuk graduan semasa sahaja.

21. Suami/Isteri/Abang/Kakak/Adik/Saudara adalah Alumni UiTM kepada Graduan, adakah mereka boleh memohon Alumni Hot Seat?

Harap maaf, mereka tidak boleh memohon Alumni Hot Seat melalui MyAlumni UiTM Virtual Card. Yang boleh memohon hanya Ibu/bapa kepada graduan sahaja. Sekiranya graduan ditemani dua (2) orang tetamu dalam kalangan ahli keluarga (kakak/abang/adik/suami/isteri/) graduan, paparan [MyAlumni Virtual Card](#) mereka boleh ditunjukkan kepada jawatankuasa dan pemberian tempat duduk adalah tertakluk kepada kekosongan.